KAJIAN MALAYSIA Vol. 44, No.2, 2026, 373–381

BOOK REVIEW

*Islam dalam Arus Sejarah: Perjuangan, Politik dan Dakwah***,** edited by Azmi Ariffin, Ahmad Fauzi Abdul Hamid and Nurulhasanah Abdul Rahman. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. xix + 289 pp. ISBN 978-629-460-035-5

Muhammad Naim Fakhirin Rezani

History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Email: naimfakhirin@usm.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Muhammad Naim Fakhirin Rezani. 2026. *Islam dalam arus sejarah: Perjuangan, politik dan dakwah* (Book review). *Kajian Malaysia* 44(2): 373–381. https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.16

To link to this article: https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.16

PENDAHULUAN

Buku *Islam dalam Arus Sejarah*: *Perjuangan*, *Politik dan Dakwah* merupakan sebuah karya suntingan ilmiah yang menghimpunkan 10 bab kajian daripada pelbagai sarjana dengan tujuan menelusuri hubungan dinamik antara Islam, sejarah politik dan perkembangan masyarakat Melayu dari era prakemerdekaan hingga cabaran kontemporari. Karya tersebut hadir dalam tradisi historiografi yang semakin berkembang di Malaysia dan berusaha menilai semula peranan Islam bukan sekadar sebagai fenomena keagamaan, tetapi sebagai kuasa sosial, intelektual serta politik yang membentuk pengalaman sejarah di rantau ini. Secara keseluruhannya, buku ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu "Islam, Sejarah dan Perjuangan Politik", dan "Peranan Islam dalam Arus dan Cabaran Semasa". Pembahagian tersebut memperlihatkan usaha penyunting untuk menghubungkan sejarah intelektual dengan realiti sosial-politik semasa, sekali gus menjadikan karya ini relevan dalam perbahasan akademik kontemporari. Melalui struktur ini, buku tersebut tidak sekadar menghimpunkan kajian terpisah, tetapi membina sebuah naratif besar yang menjawab persoalan asas tentang kedudukan Islam dalam pembentukan sejarah politik di Malaysia.

Antara persoalan utama yang cuba dijawab oleh karya ini ialah: apakah peranan sebenar Islam dalam proses kemunculan nasionalisme Melayu? Adakah Islam sekadar unsur identiti budaya atau merupakan kerangka ideologi yang menggerakkan kesedaran politik masyarakat? Menerusi konteks historiografi, sumbangan paling signifikan muncul dalam bab pembukaan oleh Azmi Ariffin

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

yang memperkenalkan konsep "arus tengah" sebagai analisis baharu untuk memahami sejarah nasionalisme Melayu dari tempoh 1900 hingga 1948. Beliau berhujah bahawa sejarah nasionalisme Melayu selama ini terlalu dipengaruhi oleh kerangka dikotomi iaitu nasionalisme konservatif berorientasikan elit tradisional dan institusi raja atau nasionalisme radikal kiri yang sering dikaitkan dengan gerakan anti-kolonial berhaluan sosialisme dan republik. Menurut beliau, pembahagian tersebut menyebabkan kewujudan kelompok intelektual dan gerakan Islam reformis yang bersifat moderat terpinggir daripada naratif arus perdana sejarah.

Konsep arus tengah yang diketengahkan bertujuan mengisi kekosongan historiografi tersebut. Golongan tersebut terdiri daripada reformis agama, guru dan intelektual Melayu yang tidak sepenuhnya berpihak kepada elit kolonial mahupun gerakan radikal kiri. Mereka menggabungkan pendekatan antara reformisme Islam dengan kesedaran pendidikan moden. Melalui pendekatan itu, Islam tidak dilihat sebagai ideologi konservatif yang mengekalkan status *quo*, tetapi sebagai sumber pemikiran progresif yang mendorong transformasi masyarakat secara berperingkat. Dengan memperkenalkan arus tengah, buku ini secara tidak langsung menjawab persoalan penting dalam historiografi Malaysia: mengapakah perkembangan nasionalisme Melayu tidak berkembang secara revolusioner, tetapi mengambil bentuk evolusioner dan berunding? Jawapan yang ditawarkan menunjukkan bahawa kewujudan kelompok Islam reformis moderat membentuk budaya politik yang menekankan rundingan dan perubahan institusi secara bertahap. Justeru, sejarah nasionalisme Melayu tidak lagi difahami melalui konflik ideologi semata-mata, tetapi sebagai hasil interaksi pelbagai arus pemikiran yang lebih kompleks.

Oleh itu, buku *Islam dalam Arus Sejarah* bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman baharu tentang hubungan Islam dan politik di Malaysia, tetapi turut menawarkan kerangka interpretasi historiografi yang lebih seimbang. Melalui konsep arus tengah, karya ini membuka ruang kepada penilaian semula sejarah nasionalisme Melayu dengan menempatkan Islam sebagai agen intelektual yang merentas batas konservatif dan radikal, sekali gus memperkaya perbahasan sejarah moden di Malaysia.

Islam dan Nasionalisme: Menilai Semula Sejarah Politik Melayu

Bahagian pertama buku ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada usaha penilaian semula historiografi nasionalisme Melayu, khususnya dalam mencabar kerangka interpretasi dominan yang membentuk pemahaman sejarah politik prakemerdekaan. Bab pembukaan oleh Azmi Ariffin memperkenalkan satu intervensi konseptual yang penting melalui pengenalan kategori analisis arus tengah dalam sejarah perjuangan kemerdekaan dalam tempoh 1900 hingga 1948. Selama beberapa dekad, penulisan sejarah nasionalisme Melayu

cenderung dalam kerangka ideologi antara arus kanan dengan arus kiri, suatu pembahagian yang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh klasifikasi politik kolonial. Pendekatan tersebut secara tidak langsung menghasilkan naratif sejarah bersifat *euro-centric*, apabila dinamika politik yang lebih kompleks disederhanakan kepada pertentangan ideologi semata-mata (Azmi 2018).

Melalui pengenalan konsep arus tengah, Azmi Ariffin mencabar kerangka historiografi tersebut dengan menunjukkan kewujudan kelompok nasionalis yang berfungsi sebagai ruang pertemuan idea dan gerakan politik yang melangkaui garis pemisah ideologi konvensional. Arus tengah bukan sekadar posisi kompromi, tetapi juga medan intelektual dan politik yang aktif dalam membentuk kesedaran nasionalisme Melayu. Dalam erti kata lain, nasionalisme tidak berkembang melalui konflik antara dua bahagian semata-mata, tetapi melalui interaksi dinamik pelbagai aliran pemikiran yang saling mempengaruhi.

Hujah bahawa arus tengah bertindak sebagai pelopor yang mencabar hegemoni kolonial British merupakan sumbangan konseptual yang amat penting. Penegasan tersebut mengalihkan fokus analisis daripada persoalan ideologi kepada persoalan agensi sejarah, iaitu bagaimana kelompok tertentu membentuk ruang politik baharu yang dianggap lebih berbahaya oleh pentadbiran kolonial berbanding gerakan yang lebih mudah dikategorikan secara ideologikal. Dalam konteks itu, tindakan represif British boleh ditafsirkan sebagai pengiktirafan terhadap potensi gerakan arus tengah yang merentasi batas sosial dan politik masyarakat Melayu.

Lebih signifikan lagi, penulis mencadangkan bahawa tanpa kemunculan arus tengah, kesedaran nasionalisme dalam bentuk arus kanan dan kiri mungkin tidak berkembang dalam bentuk yang dikenali pada hari ini. Hujah tersebut membawa implikasi historiografi yang luas kerana perkara itu menjadi model evolusi linear nasionalisme yang lazim digunakan dalam kajian sejarah Malaysia. Sebaliknya, nasionalisme ditampilkan sebagai proses berlapis, iaitu pembentukan identiti politik yang berlaku melalui pertukaran idea, strategi dan rundingan ideologi dalam ruang sosial yang lebih kompleks.

Dari sudut sejarah intelektual, pendekatan arus tengah menunjukkan bahawa ruang nasionalisme tidak bersifat tetap, tetapi terbentuk dalam konteks sejarah tertentu. Walau bagaimanapun, konsep arus tengah membuka kemungkinan untuk membaca semula sumber sejarah melalui lensa analisis baharu, termasuk menilai semula tokoh, organisasi dan jaringan sosial yang sebelum ini kurang diberikan perhatian dalam naratif arus perdana. Pendekatan arus tengah secara tidak langsung menyumbang kepada usaha membina kerangka historiografi nasionalisme Melayu dengan membebaskan analisis daripada kategori klasifikasi kolonial yang bersifat *euro-centric* yang telah lama diterima tanpa persoalan (Azmi 2018). Oleh hal yang demikian, bab pembukaan ini bukan sekadar

menawarkan pentafsiran baharu terhadap sejarah perjuangan kemerdekaan, tetapi turut mencadangkan anjakan epistemologi dalam kajian nasionalisme Melayu. Dengan membuka ruang reinterpretasi terhadap sejarah politik Melayu, pendekatan ini berpotensi mencetuskan perdebatan historiografi baharu serta menggalakkan penyelidikan lanjut yang menilai semula kategori analisis yang selama ini dianggap mapan dalam penulisan sejarah Malaysia.

Bab kedua oleh Mohamed Ali Haniffa dan Ayu Nor Azilah Mohamad meneliti kumpulan Parang Panjang Selempang Merah dalam konteks pascapendudukan Jepun dengan memberikan penekanan khusus kepada peranan tarekat sebagai sumber mobilisasi sosial dan spiritual. Berbeza dengan naratif sejarah politik konvensional yang lazimnya menumpukan faktor ekonomi atau ideologi semata-mata, bab tersebut menonjolkan dimensi keagamaan sebagai unsur utama yang membentuk tindakan kolektif masyarakat Melayu pada era tersebut. Penulis berhujah bahawa jaringan tarekat bukan sekadar institusi keagamaan ritualistik, tetapi berfungsi sebagai struktur sosial yang menyediakan kepimpinan moral dan keabsahan spiritual kepada komuniti yang berhadapan dengan ketidakstabilan selepas Perang Dunia Kedua. Analisis yang dikemukakan memperlihatkan bagaimana unsur mistik Islam, termasuk *bai'ah*, kepatuhan kepada guru spiritual dan konsep perlindungan metafizik memainkan peranan penting untuk membina solidariti kumpulan. Dalam suasana kekosongan kuasa politik dan ketegangan antara komuniti selepas perang, tarekat bertindak sebagai mekanisme pertahanan sosial yang memberikan rasa keselamatan dan identiti bersama kepada masyarakat Melayu di luar bandar. Dengan mentafsir tindakan kumpulan Parang Panjang Selempang Merah melalui kerangka keagamaan, penulis berjaya menunjukkan bahawa keganasan pascaperang difahami sebagai konflik politik rasional, pengalaman spiritual dan persepsi ancaman terhadap kelangsungan komuniti.

Bab ketiga memperluas perbincangan buku ini melalui analisis terhadap nasionalisme Melayu kiri yang berteraskan agama serta perkembangan gagasan Melayu Raya sebagai visi politik serantau pada pertengahan abad ke-20. Bab ini menunjukkan bahawa gerakan kiri Melayu tidak boleh difahami secara sempit melalui kategori ideologi Barat seperti sosialisme atau anti-kolonialisme semata-mata, sebaliknya perlu dilihat dalam kerangka pengalaman sejarah dan budaya politik tempatan. Penulis menegaskan bahawa sebahagian tokoh nasionalis kiri Melayu menggabungkan cita-cita pembebasan politik dan nilai keadilan sosial yang diinspirasikan oleh etika Islam, sekali gus membentuk suatu sintesis antara radikalisme politik dengan kesedaran keagamaan. Kajian ini penting kerana mencabar tanggapan lama dalam historiografi yang sering memisahkan nasionalisme kiri daripada tradisi pemikiran Islam. Melalui analisis terhadap wacana Melayu Raya, bab ini memperlihatkan bahawa imaginasi politik serantau yang menghubungkan Tanah Melayu dan Indonesia bukan sahaja didorong oleh sentimen anti-kolonial, tetapi juga oleh idea kesatuan ummah, persaudaraan

Melayu-Islam, dan aspirasi pembinaan masyarakat yang lebih adil. Dalam konteks ini, Islam berfungsi sebagai bahasa politik yang memberikan legitimasi moral kepada perjuangan kiri, bukan sebagai unsur yang bertentangan dengan ideologi progresif. Pendekatan ini membantu menjelaskan sebab sebahagian gerakan kiri Melayu mampu menarik sokongan masyarakat Muslim tanpa perlu meninggalkan identiti keagamaan mereka.

Perbincangan mengenai sosialisme Islam dalam bab keempat pula menghubungkan pemikiran Syed Hussein Alatas dan H. O. S. Tjokroaminoto dalam kerangka intelektual rentas negara yang merentas sempadan Tanah Melayu dan Indonesia. Bab ini menunjukkan bahawa wacana sosialisme Islam bukanlah fenomena terpencil atau bersifat tempatan semata-mata, tetapi merupakan sebahagian daripada arus pemikiran lebih luas yang muncul dalam dunia Islam pada awal abad ke-20 sebagai respons terhadap kolonialisme dan ketidaksamaan sosial. Dengan meneliti persamaan gagasan kedua-duanya, penulis menegaskan bahawa kewujudan tradisi intelektual alternatif yang berusaha untuk mengharmonikan prinsip keadilan sosial moden dengan etika moral Islam. Analisis bab ini memperlihatkan bahawa sosialisme Islam yang diketengahkan oleh Alatas dan Tjokroaminoto tidak bertujuan untuk meniru sosialisme Eropah secara langsung, sebaliknya menyesuaikannya dengan asas normatif Islam seperti keadilan, persamaan sosial dan tanggungjawab kolektif terhadap masyarakat. Tjokroaminoto, dalam konteks pergerakan Sarekat Islam di Indonesia, menggunakan bahasa Islam untuk mengartikulasikan tuntutan ekonomi dan membela golongan tertindas, manakala Alatas pula mengembangkan kritikan intelektual terhadap eksploitasi kolonial dan mentaliti feudal melalui pendekatan sosiologi kritis (Tjahjani dan Wibawarta 2025). Persamaan ini menunjukkan bahawa Islam berfungsi sebagai sumber legitimasi moral bagi idea reformasi sosial, sekali gus mencabar anggapan bahawa sosialisme dan agama berada dalam hubungan yang saling bertentangan.

Bab kelima menelusuri perjalanan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) melalui penggunaan konsep *mehnah* iaitu ujian dalam perjuangan sebagai kerangka bagi memahami pengalaman politik parti Islam tersebut dalam sejarah Malaysia moden. Bab ini meneliti bagaimana PAS berdepan pelbagai tekanan politik sejak penubuhannya, termasuk persaingan ideologi, konflik dalaman organisasi, perubahan landskap pilihan raya dan hubungan yang kompleks dengan negara serta masyarakat majmuk. Dengan menggunakan konsep yang berakar dalam tradisi intelektual Islam, penulis mentafsir perjalanan politik PAS bukan sekadar naik turun prestasi politik, tetapi sebagai proses pembentukan identiti gerakan melalui pengalaman krisis dan penyesuaian strategik. Analisis ini menonjolkan bahawa cabaran utama PAS bukan hanya bersifat elektoral, tetapi turut melibatkan persoalan ideologi dan orientasi perjuangan. Dalam konteks demokrasi berparlimen di Malaysia, parti Islam terpaksa menyeimbangkan

antara idealisme agama dengan realiti politik praktikal, termasuk keperluan membina koalisi, menarik sokongan pengundi pelbagai latar sosial, serta menyesuaikan retorik Islam dengan kerangka perlembagaan negara.

Islam dan Cabaran Negara Moden

Bahagian kedua iaitu "Islam dan Cabaran Negara Moden", mengalihkan tumpuan kepada isu-isu kontemporari, sekali gus menekankan kesinambungan antara pengalaman sejarah Islam di Malaysia dan realiti sosial-politik semasa. Pendekatan tersebut membolehkan pembaca memahami wacana dan institusi Islam yang dibentuk dalam konteks sejarah terus mempengaruhi dan memberi respons kepada cabaran negara moden, termasuk tadbir urus, politik demokratik dan keabsahan institusi awam. Oleh hal yang demikian, bahagian ini bukan sekadar lanjutan kronologi sejarah, tetapi juga usaha analitik untuk menghubungkan evolusi intelektual dan politik Islam dengan permasalahan kontemporari yang dihadapi masyarakat Malaysia.

Bab keenam secara khusus mengupas evolusi pentadbiran awam Malaysia dari perspektif Islam dengan menilai nilai etika pentadbiran seperti amanah, keadilan dan tanggungjawab moral berhubung dengan struktur birokrasi moden. Penulis menelusuri perubahan budaya pentadbiran daripada era pascakemerdekaan yang menekankan kestabilan institusi kepada era politik kontemporari yang dicirikan oleh ketidaktentuan kuasa dan persaingan elit politik. Hujah utama bab ini menyatakan bahawa konflik dalaman politik, pertukaran kerajaan yang kerap, serta peralihan kuasa yang tidak dirancang melalui mekanisme institusi yang teratur telah menjejaskan kesinambungan dasar awam dan menghakis keyakinan masyarakat terhadap neutraliti serta kecekapan pentadbiran negara. Dalam kerangka ini, kelemahan tadbir urus tidak dilihat semata-mata sebagai kegagalan teknokrat, tetapi juga sebagai krisis moral dan institusional. Analisis tersebut penting kerana mengaitkan konsep etika pentadbiran Islam dengan persoalan legitimasi negara moden. Penulis berhujah bahawa prinsip pentadbiran dalam tradisi Islam termasuk konsep hisbah, akauntabiliti pemimpin dan tanggungjawab terhadap kesejahteraan masyarakat menjadi asas normatif untuk memperkukuh tadbir urus demokratik. Secara tidak langsung, bab ini menegaskan bahawa cabaran politik kontemporari Malaysia bukan sekadar persoalan perebutan kuasa, tetapi berkait rapat dengan persoalan kepercayaan, integriti institusi dan pembinaan semula.

Bab ketujuh membincangkan fenomena demonstrasi jalanan dengan menggabungkan perspektif Islam, keselamatan dan undang-undang, sekali gus menawarkan pendekatan normatif terhadap protes politik dalam konteks demokrasi kontemporari Malaysia. Penulis menekankan bahawa protes awam bukan sekadar isu politik atau sosial, tetapi juga boleh ditafsirkan melalui prinsip *fiqh* politik moden, termasuk pertimbangan keadilan, maslahat umum,

dan etika perlaksanaan tindakan kolektif. Pendekatan tersebut memperkaya wacana *fiqh* politik yang jarang disentuh dalam konteks Malaysia, khususnya dalam memahami batasan, hak dan tanggungjawab individu dan kumpulan dalam ekspresi politik secara aman. Justeru, bab ini bukan sahaja menganalisis fenomena demonstrasi, tetapi juga menawarkan kerangka normatif untuk menilai interaksi antara agama, perundangan dan keselamatan awam.

Di samping itu, bab kelapan meneliti sejarah kemunculan amalan tahyul dan khurafat dalam masyarakat Melayu, membincangkan kepercayaan tradisional bercampur dengan praktik Islam tempatan. Bab ini memperincikan pertembungan antara Islam dengan adat budaya, sekali gus menunjukkan bahawa proses Islamisasi adalah berterusan dan kompleks terhadap seluruh masyarakat. Bab kesembilan dan kesepuluh pula memberikan tumpuan kepada pembangunan insan dan penerapan nilai Islam dalam pentadbiran negara. Kedua-dua bab ini menegaskan bahawa pembangunan tamadun Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada pembinaan insan berteraskan nilai rabbani, seperti amanah, integriti, keadilan dan tanggungjawab sosial. Penulis memperincikan dasar penerapan nilai Islam sejak era moden Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk etika birokrasi, kepimpinan dan institusi awam. Pendekatan tersebut menghubungkan sejarah intelektual dan politik dengan pembangunan manusia sebagai pusat transformasi sosial, sekali gus menunjukkan bahawa pemahaman Islam bukan hanya berkaitan ritual atau doktrin, tetapi juga menjadi asas kepada pembentukan masyarakat dan negara yang berdaya saing serta beretika.

Analisis Penstrukturan Intervensi Historiografi dalam Kajian Islam dan Politik Malaysia Berdasarkan Buku

Secara keseluruhan, kekuatan utama buku ini terletak pada tiga aspek utama yang menjadikannya sebuah sumbangan penting dalam perkembangan historiografi Islam dan sejarah politik Malaysia. Pertama, buku ini berjaya menggabungkan sejarah politik, dan kajian kontemporari dalam satu kerangka analisis yang baharu. Pendekatan rentas disiplin ini membolehkan Islam dianalisis bukan hanya sebagai sistem kepercayaan, tetapi sebagai wacana yang beroperasi dalam struktur kuasa, pembentukan identiti sosial dan transformasi institusi negara. Dengan menghubungkan perdebatan sejarah awal abad ke-20 dengan isu negara moden seperti pluralisme, demokrasi dan pembangunan sosial, buku ini memperlihatkan kesinambungan idea Islam merentas zaman. Pendekatan sedemikian menjadikan karya tersebut relevan bukan sahaja kepada ahli sejarah, tetapi juga sarjana sains politik, pengajian Islam, sosiologi agama dan kajian Asia Tenggara yang mencari kerangka analisis yang lebih integratif.

Selain itu, beberapa bab, khususnya yang membincangkan konsep arus tengah nasionalisme serta gagasan sosialisme Islam menawarkan hujah konseptual baharu yang berpotensi membentuk semula perbahasan akademik sedia ada. Pengenalan konsep arus tengah oleh Azmi Ariffin, misalnya, memberikan intervensi historiografi yang signifikan dengan mencabar pembahagian lama antara nasionalisme konservatif dan radikal kiri. Melalui konsep ini, sejarah politik Melayu ditafsirkan sebagai medan interaksi pelbagai arus pemikiran yang lebih kompleks, sekali gus membuka ruang kepada tafsiran baharu terhadap peranan reformisme Islam dalam pembentukan kesedaran politik. Sumbangan konseptual tersebut penting kerana ia tidak sekadar menambah fakta sejarah, tetapi mengubah cara sejarah difahami dan dianalisis. Dalam konteks akademik antarabangsa, karya yang memperkenalkan kategori analisis baharu lazimnya mempunyai potensi impak yang lebih besar kerana karya tersebut boleh digunakan dalam kajian perbandingan di rantau lain.

Buku ini turut memperlihatkan usaha jelas untuk menempatkan Islam sebagai agen sejarah yang aktif, bukan sekadar latar budaya atau identiti simbolik. Banyak kajian terdahulu cenderung melihat Islam sebagai unsur tradisional yang bertindak balas terhadap perubahan politik moden. Sebaliknya, buku ini menunjukkan bahawa idea, institusi dan jaringan intelektual Islam turut berperanan untuk membentuk arah perubahan sosial dan politik. Islam dalam karya ini muncul sebagai sumber legitimasi politik, medan perdebatan intelektual, serta alat mobilisasi sosial yang mempengaruhi pembentukan nasionalisme dan negara bangsa. Pendekatan ini membantu mengatasi kecenderungan orientalis atau sekularis lama yang memisahkan agama daripada dinamika sejarah politik.

Secara keseluruhannya, buku *Islam dalam Arus Sejarah* merupakan sebuah karya penting yang berjaya memperluas horizon kajian sejarah Islam di Malaysia. Kekuatan konseptualnya, khususnya melalui pengenalan kategori analisis baharu seperti arus tengah, menjadikan buku ini bukan sekadar sumbangan deskriptif, tetapi satu usaha serius untuk merombak cara sejarah nasionalisme dan Islam difahami dalam kerangka historiografi moden.

KESIMPULAN

Buku *Islam dalam Arus Sejarah* merupakan sumbangan penting kepada kajian sejarah dan pemikiran Islam di Malaysia, kerana berjaya menyingkap pelbagai dimensi peranan Islam dalam masyarakat Melayu dari era prakemerdekaan hingga cabaran kontemporari. Buku ini tidak sekadar menekankan aspek keagamaan Islam sebagai identiti atau simbol budaya, tetapi menyorot peranannya sebagai agen intelektual, sosial dan politik yang membentuk perjalanan sejarah nasionalisme, gerakan sosial, dan pembinaan negara.

Pendekatan ini memperluas ruang kajian dengan menunjukkan bahawa sejarah Malaysia tidak boleh difahami secara lengkap tanpa mengambil kira interaksi dinamik antara Islam, ideologi politik, dan struktur sosial. Dengan gabungan analisis sejarah dan refleksi kontemporari, buku ini menawarkan kerangka yang holistik untuk memahami kesinambungan antara pengalaman masa lalu dan isu moden. Beberapa bab, khususnya yang membincangkan konsep arus tengah nasionalisme Melayu oleh Azmi Ariffin, memberikan sumbangan konseptual yang penting dengan mencabar ruang lingkup historiografi lama antara nasionalisme konservatif dan radikal kiri. Konsep ini membuka ruang tafsiran baharu tentang bagaimana idea Islam progresif dapat membentuk pemikiran politik Melayu secara moderat, sekali gus menyorot pluralisme pemikiran dalam sejarah nasionalisme. Pendekatan sebegini memperkukuh relevansi buku ini bagi sarjana sejarah Malaysia, pengajian Islam, sosiologi dan politik Asia Tenggara. Secara keseluruhannya, *Islam dalam Arus Sejarah* merupakan karya akademik yang signifikan dan wajar diberi perhatian serius dalam wacana ilmiah serantau dan antarabangsa. Buku ini bukan sahaja memperkaya pemahaman tentang peranan Islam dalam sejarah dan politik Malaysia, tetapi juga memperkenalkan kerangka analisis yang boleh diaplikasikan untuk kajian perbandingan di rantau lain. Kekuatan buku ini terletak pada kemampuannya untuk menggabungkan data empirikal, refleksi intelektual, dan pendekatan konseptual yang inovatif, menjadikannya rujukan penting bagi sesiapa yang ingin memahami hubungan antara agama, masyarakat, dan negara dalam konteks sejarah yang panjang serta kompleks.

RUJUKAN

Azmi Ariffin. 2018. Eurocentrism and the historical perception about the Malays. SHS Web of Conferences 45. 7th International Conference on Local Knowledge (ICLK 2017). https://doi.org/10.1051/shsconf/20184506005

Tjahjani, J. and B. Wibawarta. 2025. Hijrah, an ideological representation of Tjokroaminoto's struggle in the biopic Guru Bangsa: Tjokroaminoto. *Cogent Arts & Humanities* 12(1): 2506319. https://doi.org/10.1080/23311983.2025.2506319